

PAS: Bajet 2012 'morfin' kesan tsunami politik 2008
The Malaysian Insider
09 Oktober , 2011
Oleh Clara Chooi

KUALA LUMPUR, 9 Okt — PAS pusat melabel Bajet 2012 yang diumumkan Jumaat lalu oleh Datuk Seri Najib Razak sebagai "belanjawan morfin" pilihan raya umum sambil mendakwa banyak "buah tangan one-off" yang diumumkan adalah hasil tekanan ekoran tsunami politik 2008.

Sehubungan itu parti komponen Pakatan Rakyat ini mahu rakyat terus mengenakan tekanan dalam pilihan raya umum ke-13, yang disebut-sebut akan diadakan dalam waktu terdekat, untuk menikmati perubahan lebih menyeluruh.

Ketua Penerangan PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (gambar) berkata, seperti yang dijangka, BN telah membentangkan satu "bajet morfin" yang bersifat kesenangan sementara.

Katanya, kesakitan dan keperitan sebenar akan kembali sejurus selepas kesan morfin hilang.

"Dari sudut yang lain, rakyat perlu melihat pembentangan bajet oleh Perdana Menteri ini juga adalah sebahagian daripada kejayaan mereka mengenakan tekanan kepada kerajaan BN dalam pilihan raya umum lalu.

"Kini, Umno BN cuba mendapatkan kembali sokongan rakyat melalui bajet yang kelihatan mengutamakan rakyat; setelah mengabaikan rakyat dengan mementingkan projek mega bagi kroni-kroni berpuluh tahun," kata Pesuruhjaya PAS Pahang ini.

Perdana Menteri membentangkan Bajet 2012 dengan dana RM232.8 bilion untuk kegunaan tahun depan.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini, Tuan Ibrahim berkata, kejayaan mengenakan tekanan politik ke atas BN mesti diteruskan kerana seandainya mereka berjaya mengekalkan kuasa selepas pilihan raya umum ke-13, segala berita gembira yang ditabur dalam belanjawan akan ditarik balik dalam bentuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang telah diumumkan dan bakal dilaksanakan tatkala majoriti rakyat masih tidak bersedia untuk menghadapinya.

"Yang pasti sistem percukaian baru GST akan diperkenalkan — kemudian kemungkinan besar beban enam peratus cukai telefon prabayar akan ditolak ke bahu rakyat selepas pilihan raya umum ke-13 dan lebih banyak subsidi akan ditarik balik sekiranya BN kekal berkuasa selepas pilihan raya umum ke-13," katanya lagi.

Selain itu, kata Tuan Ibrahim, untuk mengelakkan kemarahan rakyat menjelang pilihan raya umum ke-13, tiada peruntukan yang diumumkan untuk Permata yang diketuai isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor akan tetapi, rakyat tidak perlu bergembira, yang pasti sekiranya mereka menang pilihan raya umum ke-13, peruntukan untuk Permata akan diumumkan semula dengan nilai yang lebih besar dalam bajet susulan.

Katanya, kerajaan pusat juga menyembunyikan strategi kerajaan pusat mendapatkan dana membiayai aliran perbelanjaan.

Kata beliau, keadaan dijangka lebih parah lagi kerana bajet kali ini tidak disertakan dengan langkah-langkah kerajaan untuk menaikkan pendapatannya untuk menampung perbelanjaan sebegitu banyak.

"Lebih-lebih lagi, dalam bajet kali ini Perdana Menteri juga tidak mengumumkan apa-apa cara untuk mengurangkan ketirisan, gejala rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan kronisme yang selama ini hanya menambah keperitan rakyat bawahan," kata beliau.

Oleh itu beliau menambah, "duit tidak mungkin jatuh dari langit."

"Dan, dengan ekonomi dunia yang sedang meleset, adakah kerajaan BN sedang menyembunyikan langkah-langkah drastik untuk mendapatkan dana sehingga selepas pilihan raya umum ke-13?"

"Berapakah bajet susulan yang sudah ada dalam perancangan BN yang bakal dibentangkan lagi untuk menampung perbelanjaan morfin ini?" kata beliau lagi.

Kata Tuan Ibrahim, segala apa yang diberi sekarang yang kononnya atas nama "negara berkeadilan ala Umno BN" hanya bertujuan untuk melalaikan rakyat.

"Apa yang diberi akan ditelan kembali selepas pilihan raya umum ke-13 jika mereka terus berkuasa selepas pilihan raya umum ke-13 kerana suka ataupun duka, rakyat terpaksa duduk di bawah kerajaan BN untuk lima tahun lagi sebelum ada peluang untuk mengundi mereka keluar," kata beliau lagi.

Namun tambah beliau, semua langkah "menelan" ini tidak akan diumumkan sekarang kerana yang penting rakyat dapat ditipu terlebih dahulu untuk mengekalkan mereka di tampuk pemerintahan, yang lain boleh diumumkan sedikit demi sedikit kerana selepas itu, rakyat hanya boleh merungut tapi kuasa mereka tidak akan tergugat untuk lima tahun akan datang.

"Pengalaman lampau mengajar kita bagaimana setelah selesai pilihan raya umum ke-13 kerajaan BN akan segera mengisytiharkan kenaikan harga barangan keperluan rakyat.

"Walau apa pun tema belanjawan diberi, rakyat yang telah mengenal tipu muslihat Umno-BN diharap jangan terlalai dalam suntikan morfin ini dan terus menggunakan kuasa dan peluang yang ada pada pilihan raya umum ke-13 bagi membuat perubahan untuk menyelamatkan Malaysia," kata beliau sambil menambah, rakyat perlu meneruskan agenda perubahan politik negara sebagai kesinambungan pilihan raya umum ke-12.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-bajet-2012-morfin-kesan-tsunami-politik-2008/>